



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 7 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JKM SEDIA MAKANAN HANYA PADA HARI PERTAMA PPS DIBUKA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-sedia-makanan-hanya-pada-hari-pertama-pps-dibuka-452970	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1196960/makanan-berbungkus-hanya-disedia-pada-hari-pertama-pps-dibuka	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643016/berita/nasional/jkm-sedia-makanan-berbungkus-hanya-pada-hari-pertama-pps-dibuka	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorjournal.my/2024/01/jkm-food-for-flood-victims-distributed-only-on-opening-day-of-relief-centres/	SELANGORJOURNAL.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/01/06/floods-social-welfare-dept-provides-food-only-on-the-first-day-at-relief-centres-says-d-g/111000	MALAYMAIL.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/200-penduduk-kg-bangau-bangau-terima-bakul-makanan-x8r7spg	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BANTUAN RM5,000 UNTUK MANGSA KEBAKARAN BELI BAHAN BINAAN BINA SEMULA RUMAH – FATIMAH	
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/06/jkm-sarawak-salur-rm5000-bahan-binaan-untuk-bina-semula-rumah-yang-hangus-fatimah/	TVSARAWAK,MY
	https://www.youtube.com/watch?v=_khOG8Z1kZs	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bantuan-rm5000-untuk-mangsa-kebakaran-beli-bahan-binaan-x8r7spf	ASTROAWANI.COM
	https://dayakdaily.com/kampung-bintawa-hilir-fire-relief-rm5000-for-each-household-for-reconstruction-immediate-aid-for-daily-needs/	DAYAKDAILY.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KPM SIASAT KES BULI PELAJAR SEKOLAH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1047866/kpm-siasat-kes-buli-pelajar-sekolah	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1196990/kpm-siasat-kes-buli-pelajar	BHARIAN.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/buli-kpm-siasat-kes-pelajar-dibelasah-dalam-belukar	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/06/kpm-tidak-kompromi-kes-buli/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM sedia makanan hanya pada hari pertama PPS dibuka

Bernama
Januari 6, 2024 21:00 MYT



Norazman berkata pemberian makanan itu bertujuan memudahkan penyediaan makanan oleh JPBD pada hari berikutnya. -
Gambar Bernama

KLUANG: Pemberian makanan bungkus oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negara hanya akan diberi pada hari pertama PPS dibuka.

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Norazman Othman berkata pemberian makanan itu bertujuan memudahkan penyediaan makanan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) pada hari berikutnya.

"Semua tindakan penyediaan makanan kepada mangsa adalah di bawah pengurusan JPBD yang diketuai Pegawai Daerah masing-masing, sama ada secara gotong-royong di PPS atau disediakan di tempat lain.

"Tiada lagi bekalan makanan bungkus seperti sebelum ini. Jadual menu dan waktu makan di PPS pula akan ditentukan jawatankuasa berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir di PPS Dewan MPK Kahang di sini hari ini.

Jelas beliau tinjauan pihaknya di PPS itu mendapati bekalan makanan amat memuaskan dan boleh dimakan oleh semua peringkat umur.

Kata Norazman lagi, bekalan makanan turut diagih kepada petugas di PPS namun keutamaan diberikan kepada mangsa banjir.

"Selain makanan disediakan JPBD, kami juga menerima makanan tambahan seperti roti, biskut dan lain-lain makanan daripada masyarakat setempat.

"Namun, sekiranya ada arahan daripada Kementerian Kesihatan untuk penyediaan makanan bungkus bagi mengekang penularan wabak COVID-19, ia perlu dilaksanakan mengikut prosedur ditetapkan," katanya.

Sementara itu, seorang mangsa banjir dari Kampung Contoh di sini, Abd Rahman Mahadi, 60, memberitahu dia berpuas hati dengan bekalan makanan yang dibekalkan kepada mangsa banjir.

"Makanan dihantar ikut waktu dan pelbagai menu disediakan membuatkan kami di sini rasa selesa sepanjang berada di PPS.



Bantuan RM5,000 untuk mangsa kebakaran beli bahan binaan bina semula rumah – Fatimah

KUCHING, 6 Jan: Mangsa kebakaran di Kampung Bintawa Hilir di sini menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak berjumlah RM5,000 bagi setiap rumah yang hangus sepenuhnya, kata Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak itu berkata bantuan segera juga akan disalurkan bagi membantu mangsa-mangsa kebakaran terbabit menjalani kehidupan selepas tragedi berkenaan.

"Bantuan sehingga RM5,000 akan disalurkan untuk membeli bahan binaan bagi membina semula rumah mereka yang hangus sepenuhnya akibat kebakaran serta bantuan peralatan dapur berjumlah RM700.

"Bukan itu sahaja, mangsa-mangsa kebakaran juga akan menerima bantuan segera berupa wang tunai untuk membeli pakaian harian, makanan dan minuman, kelengkapan tidur, pakaian dan peralatan sekolah serta wang saku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui TVS pada Majlis Makan Malam KPPRS 'Malam Menyantuni P. Ramlee & Saloma' di sini pada Jumaat.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak Noriah Ahmad dan Pengerusi Kelab Peminat P. Ramlee Sarawak (KPPRS) Datu Dr Adi Badiozaman Tuah.


Pada masa sama, Fatimah berterima kasih kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta pelbagai pihak yang sudi membantu mangsa-mangsa kebakaran dengan menyampaikan sumbangan berupa makanan dan pakaian.

"Sarawak beruntung kerana mempunyai masyarakat yang prihatin dan ada belas kasihan kepada rakyat yang ditimpa musibah.

"Bukan sahaja agensi kerajaan seperti JKJ, Tabung Baitulmal Sarawak, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yayasan Kebajikan Negara menyalurkan bantuan tetapi NGO-NGO seperti Kuching Love Book Association dan Persatuan Bulan Sabit Merah turut tampil memberi bantuan kepada mereka, tidak kira bangsa, agama dan kaum," ujarnya lagi.

Fatimah turut berkongsi, sejak jam 8 malam pada Jumaat, sebanyak 12 keluarga mangsa melibatkan 38 orang mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Rekreasi Bimajaya Kampung Bintawa Hilir manakala sebuah lagi keluarga mangsa melibatkan lima orang mangsa tidak berpindah ke PPS berkenaan.

Kesemua 43 orang penghuni dilaporkan selamat daripada sebarang kecederaan. – TVS



KPM siasat kes buli pelajar sekolah

BERNAMA



FOTO HIASAN

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) menjalankan siasatan berkaitan video tular menerusi media sosial membabitkan kes salah laku buli pelajar sekolah bagi memastikan perkara itu diselesaikan segera.

KPM dalam kenyataan memaklumkan langkah awal itu berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 12 Tahun 2023: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan Bawah KPM.

"Ini termasuk menghubungi ibu bapa atau penjaga, menjalankan siasatan telus dan terperinci, memaklumkan kes kepada Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada semua murid terbabit.


"Pihak sekolah juga diminta memastikan tindakan disiplin diambil ke atas murid yang bersalah dan direkodkan kerana KPM tidak berkompromi dengan salah laku buli di semua institusi pendidikan di bawah kelolaannya," menurut kenyataan itu.

Hari ini, tular menerusi media sosial video rakaman aksi seorang remaja dilihat duduk di atas badan mangsa ketika mereka bergelut di dalam kawasan semak yang kemudiannya turut mengambil plastik berisi daun kering sebelum membuangnya ke atas kepala mangsa.

KPM dalam kenyataan itu turut menyeru semua pihak termasuk media dan orang ramai mematuhi peruntukan undang-undang dengan tidak menularkan identiti kanak-kanak yang terlibat dalam salah laku buli.

"Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) memperuntukkan identiti kanak-kanak yang terlibat dalam kes jenayah tidak boleh didedahkan dan perlu dilindungi. Masyarakat juga diminta untuk tidak menormalisasikan salah laku buli," menurut KPM.

Aduan kes buli dan gangguan seksual boleh dibuat melalui talian khas Aduan Buli, aplikasi WhatsApp, e-mel adubuli@moe.gov.my dan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA).



TAJUK : DISABLE GROUPS SEEK INCLUSIVE TRANSIT VAN SERVICE

HARI : AHAD

AKHBAR : SUNDAY STAR

TARIKH : 7 JAN 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Disabled groups seek inclusive transit van service

PETALING JAYA: Users of wheelchairs or walking aids are appealing that they not be overlooked as Malaysia introduces an on-demand transit van service.

The service, which is also known as demand responsive transport (DRT), is being considered by the Transport Ministry for the Klang Valley to bridge first- and last-mile gaps through shared rides that start from as low as RM1 per person.

This makes it possible for people

to move about in areas that are underserved or neglected by fixed-route public transit. The service is expected to be important for the elderly and "ageing-in-place" communities.

Referring to the ministry's announcement last month about DRT, wheelchair user Christine Lee who is an advocate for a movement called Barrier-free Environment and Accessible Transport (BEAT), said that there had been reports that part of the RM50mil

allocation under Budget 2024 to enhance public transportation would be used to purchase vans for the service.

Prasarana Malaysia Bhd has been tasked with overseeing operations of the service. Lee noted that the ministry will collaborate with Kumpool, a van-hailing services provider in Cyberjaya, Petaling Jaya and Subang Jaya in Selangor, and Johor Baru.

In a statement signed by two other representatives of disabled


groups, she said that the community is troubled to learn from Kumpool's website that it is "unable to accept" requests to accommodate "wheelchairs, baby strollers, luggage or large parcels".

"Why are these groups being left out and sidelined? Are these groups not part of the community?" asked Lee, who said that access to public transport is enshrined in the Persons With Disabilities Act.

She pointed out that Article 27 of

the Act states that persons with disabilities shall have the right to access and use public transport facilities, amenities and services open to the public on an equal basis with persons without disabilities.

"With the advancement of technology, Kumpool could look into providing an accessible booking app, real time travel information and tracking, among others, to enhance their services," read the statement.



TAJUK :	CURTIN DIPLOMA STUDENTS VOLUNTEER AT ORPHANAGE		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	THE SUNDAY POST
TARIKH :	7 JAN 2024	M/SURAT :	06
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Curtin diploma students volunteer at orphanage

MIRI: A group of diploma students from the School of Pre-U and Continuing Education (SPACE) at Curtin University Malaysia (Curtin Malaysia) recently volunteered their services for a day at Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup as part of their 'Introduction to Community Service Unit'. The volunteers comprised 14 students from Semester 1 to Semester 4, representing diverse disciplines including Media Studies, Information Technology, and Commerce. For the Semester 1 students, it was an exhilarating experience and an introductory phase of their university life. "The visit had been planned for quite a while before it


actually materialised. Members of the group visited the orphanage several weeks prior to assess the orphanage's needs and discuss with the orphanage management the activities to be carried out with the orphans. "Then, throughout the semester, the group solicited sponsorships of clothing and stationery from various donors to be presented to the orphans. "When the day came, the students conducted a series of activities for the orphans aged seven to 16. They were also treated to sumptuous breakfast and lunch, catered by one of the sponsors, Chef X," said Curtin Malaysia in a statement. The programme kicked off with an ice-breaking activity,

followed by various games such as a water balloon game, hopscotch and a 'Sweet & Flour' game where they had to blow into a container full of flour to retrieve sweets hidden inside. "The games were made to be both fun and educational, and the children enjoyed them immensely," said the group's leader Elly Maszlien. Another group member, Alice Sandra, hailed the event as 'a meaningful experience for all the volunteers'. "It was fun getting to know the children and interacting with them. It was also a joy watching them participating enthusiastically in the activities and enjoying themselves. It made all our efforts worthwhile," she

said. Meanwhile, Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup manager Shamsiah Sanai Tahir thanked the students for their efforts, adding that all of the orphans had a good time and would look forward to experiencing more events with students of Curtin Malaysia. She also thanked Curtin Malaysia Faculty of Humanities and Health Sciences lecturer Farahezza Hairon Nizar for her continued support to the orphanage. For more information about Curtin Malaysia, go to www.curtin.edu.my, or look for Curtin Malaysia on Facebook, X, Instagram, YouTube, LinkedIn or TikTok platforms.



The volunteers from Curtin Malaysia with the management staff and the children from Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup.



TAJUK : 60 KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN PERMYJAYA KUNJUNGI PUSTAKA MIRI

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 7 JAN 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



LAWATAN: Kanak-kanak Tabika Perpaduan Permyjaya merakamkan kenangan bersama kakitangan Pustaka Miri kelmarin.

60 kanak-kanak Tabika Perpaduan Permyjaya kunjungi Pustaka Miri

MIRI: Seramai 60 kanak-kanak Tabika Perpaduan Permyjaya di sini bersama 10 guru pengiring mengadakan lawatan ke Pustaka Negeri Sarawak Miri (Pustaka Miri) kelmarin.

Rombongan tersebut disambut kakitangan Pustaka

Miri diselitikan dengan aktiviti menarik.

Antaranya sesi bercerita, aktiviti 'Art & Crafts: Animal Crown' bersama Bahagian Perkhidmatan Penglibatan Komuniti serta melawat sekitar Pustaka Miri bersama Bahagian

Perkhidmatan Maklumat.

Lawatan itu diharap dapat memberi pengalaman bermakna kepada kanak-kanak tabika berkenaan dan menjadikan perpustakaan sebagai tempat beriadah selain menimba ilmu.



TAJUK : SUKARELAWAN CURTIN MALAYSIA CURAH KHIDMAT DI KOMPLEKS HAMIDAH YAKUP

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 7 JAN 2024

M/SURAT : 05

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Sukarelawan Curtin Malaysia curah khidmat di Kompleks Hamidah Yakup

MIRI: Sekumpulan pelajar diploma dari Pusat Pengajian Pra-U dan Pendidikan Berterusan (SPACE) di Universiti Curtin Malaysia (Curtin Malaysia) baru-baru ini menawarkan perkhidmatan mereka secara sukarela selama sehari di rumah anak yatim sebagai sebahagian daripada pengenalan kepada Unit Khidmat Masyarakat.

Rumah anak yatim yang bertuah dipilih oleh mereka ialah Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup, yang menyaksikan 14 sukarelawan berhasrat untuk membawa sedikit kemeriahan dan rasa kegembiraan, menjalankan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan untuk anak-anak yatim.

Ia juga merupakan peluang kepada 14 sukarelawan pelajar itu untuk berinteraksi dengan anak-anak yatim dan penjaga mereka, bagi memupuk rasa bersatu dengan masyarakat.

Pelajar tersebut terdiri daripada pelajar semester satu hingga empat daripada pelbagai bidang dan pengajian, termasuk Pengajian Media, Teknologi Maklumat dan Perdagangan.

Bagi pelajar semester pertama, ia merupakan satu pengalaman yang menggem-



CERIA: Para sukarelawan Curtin Malaysia bersama anak-anak yatim Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup di Miri dan pihak pengurusannya.

birakan dan fasa pengenalan dalam kehidupan universiti mereka.

“Lawatan ini sebenarnya lama dalam perancangan. Ahli-ahli kumpulan yang terlibat juga, telah melawat rumah anak yatim ini, beberapa minggu sebelum menilai keperluan rumah anak yatim dan berbin-cang dengan pihak pengurusan rumah anak yatim tentang aktiviti yang akan dijalankan bersama anak yatim.

“Kemudian, disepanjang semester, kumpulan ini meminta

tajaan pakaian dan alat tulis daripada pelbagai penderma untuk disampaikan kepada anak-anak yatim,” demikian menurut jurucakap Curtin Malaysia di sini, semalam.

Katanya, para pelajar kemudiannya menjalankan beberapa siri aktiviti untuk anak-anak yatim yang berumur antara tujuh hingga 16 tahun, dengan sarapan pagi dan makan tengah hari disediakan oleh salah seorang penaja, Chef X.

Aktiviti pada hari itu dimulakan dengan sesi berkenalan,

diikuti dengan pelbagai permainan seperti pertarungan belon air yang direka untuk mengajar anak-anak yatim untuk melindungi rakan-rakan mereka dan berapa permainan lain menyeronokkan.

“Permainan itu dibuat untuk menyeronokkan dan mendidik mereka pada masa yang sama dan kanak-kanak sangat menikmatinya,” kata ketua kumpulan sukarelawan, Elly Maszlien.

Sementara itu, Pengurus Kompleks Kebajikan Hamidah Yakup Shamsiah Sanai Tahir mengucapkan terima kasih atas usaha yang dilakukan para pelajar, sambil berkata semua penghuni kompleks berkenaan ternyata amat bergembira dengan program yang dilaksanakan.

Beliau juga berharap untuk mengadakan lebih banyak kerjasama dengan Curtin Malaysia, dalam perkara berkaitan khususnya kerja-kerja sukarelawan.

Beliau juga berterima kasih kepada pensyarah Fakulti Kemanusiaan dan Sains Kesihatan Curtin Malaysia, Farahezza Hairon Nizar, yang mengiringi para pelajar, atas sokongan berterusan beliau terhadap rumah anak yatim itu.